



# **GARIS PANDUAN PEMINDAHAN KREDIT & PENGECUALIAN KURSUS**

**Credit Transfer & Course Exemption (CTCE)  
POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI**

**EDISI 2020**

Garis Panduan Pemindahan Kredit dan Pengecualian Kursus  
Credit Transfer & Course Exemption (CTCE)  
Politeknik dan Kolej Komuniti  
Edisi 2020

Hak cipta terpelihara. Tiada mana-mana bahagian dalam penerbitan ini dibenarkan ditiru, diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh dipergunakan lagi, atau dipindah dalam mana-mana cara, baik dengan cara elektronik, mekanikal, penggambaran semula, perakaman atau sebaliknya tanpa mendapat izin bertulis daripada Bahagian Kurikulum, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti.

ISBN 978-967-2243-77-9

Diterbitkan oleh

Bahagian Kurikulum, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti  
Galeria PjH, Aras 4, Jalan P4W, Persiaran Perdana, Presint 4, 62100 Putrajaya  
Tel : 03-88919000 Faks : 03-88919056

## ISI KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
<b>BAHAGIAN 1: PENGENALAN</b>	
1.0 Pendahuluan	1
2.0 Nama dan Tarikh Berkuatkuasa	2
3.0 Tujuan	2
4.0 Definisi	3
<b>BAHAGIAN 2 : PEMINDAHAN KREDIT</b>	
5.0 Dasar Pindah Kredit	5
6.0 Syarat Umum Pindah Kredit	9
7.0 Kaedah Pelaksanaan Pindah Kredit	10
<b>BAHAGIAN 3 : PENGECCUALIAN KURSUS</b>	
8.0 Dasar Pengeccualian Kursus	13
<b>BAHAGIAN 4 : PROSEDUR DAN PERANAN</b>	
9.0 Prosedur Permohonan Pemindahan Kredit dan Pengeccualian Kursus	15
10.0 Prosedur Pengurusan Politeknik dan Kolej Komuniti	17
<b>BAHAGIAN 5 : LAMPIRAN</b>	
Lampiran 1 : Borang Permohonan Pemindahan Kredit dan Pengeccualian Kursus	19
Lampiran 2 : Borang Pemetaan Kesetaraan Kursus	20
Lampiran 3 : Carta Alir Pemindahan Kredit dan Pengeccualian Kursus	22
Lampiran 4 : Rumusan Panduan Pemindahan Kredit dan Pengeccualian Kursus	23
Lampiran 5 : Surat Pelaksanaan Dasar Pindah Kredit Secara Mendatar Mengikut Kelompok Bagi Kursus Kelompok U1 Matapelajaran Pengajian Umum	33
Lampiran 6 : Surat Makluman MQA Bil.2/2020 Penambahbaikan Dasar Pindah Kredit	35
Lampiran 7 : Pemakluman Berkenaan Penambahbaikan Dasar Pindah Kredit	37
Lampiran 8 : Pekeliling MQA Bil2/2015 Dasar Pindah Kredit Dan Penambahbaikan Dasar	41
<b>RUJUKAN</b>	43
<b>JAWATANKUASA PEMBANGUNAN DAN PENERBITAN</b>	44

Pihak berkepentingan perlu merujuk kepada Kompilasi Dasar Jaminan Kualiti Pendidikan Tinggi (2009-2017) Edisi Kedua susulan penambahbaikan edisi pertama. Panduan juga perlu dibaca bersama-sama dasar-dasar baharu yang dikeluarkan Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT), Malaysian Qualifications Agency (MQA) dan badan-badan akreditasi yang berkaitan.

## BAHAGIAN 1 : PENGENALAN

### 1.0 PENDAHULUAN

- 1.1 Pemberian pindah kredit dan pengecualian kursus merupakan satu pengiktirafan terhadap kelayakan dan pengetahuan sedia ada seseorang pelajar apabila mula mengikuti sesuatu program pengajian baharu.
- 1.2 Ia memberi peluang kepada pelajar untuk memindahkan kredit dan dikecualikan daripada mengambil sesuatu kursus apabila mengikuti sesuatu pengajian berdasarkan kepada dasar-dasar yang telah ditetapkan oleh sesebuah Pemberi Pengajian Tinggi (PPT).
- 1.3 Garis Panduan Pemindahan Kredit dan Pengecualian Kursus (*Credit Transfer and Course Exemption, CTCE*) telah mula digunapakai oleh Politeknik pada Januari 2009. Ia merupakan salah satu elemen penting yang menyumbang kepada proses jaminan kualiti sesuatu program pengajian di Politeknik.
- 1.4 Panduan pindah kredit dan pengecualian kursus (CTCE) yang dikeluarkan pada Januari 2009 adalah untuk pelajar yang sedang berada dalam sistem pengajian di Politeknik.
- 1.5 Garis Panduan Pemindahan Kredit dan Pengecualian Kursus (*Credit Transfer and Course Exemption, CTCE*) Politeknik dan Kolej Komuniti Edisi 2020 adalah semakan dan pindaan ketiga daripada panduan terdahulu selaras dengan penambahbaikan dasar pindah kredit dan pemansuhan beberapa dasar pengecualian kursus oleh:

- a. **Malaysian Qualifications Agency (MQA) berkuatkuasa mulai 19 Ogos 2016** rujukan: **JPT.S(A).2000/ 016/015/05(9)**.
- b. *Engineering Technology Accreditation Council (ETAC), Board of Engineers Malaysia (BEM)* bagi **program pengajian kejuruteraan** di Politeknik dan Kolej Komuniti, rujukan **ENGINEERING TECHNICIAN EDUCATION PROGRAMME ACCREDITATION STANDARD 2020**.
- c. *Technology And Technical Accreditation Council (TTAC), Malaysia Board of Technologists (MBOT)* bagi **program pengajian teknologi** di Politeknik dan Kolej Komuniti, rujukan **TECHNOLOGY AND TECHNICAL ACCREDITATION MANUAL 2019**.

## 2.0 NAMA DAN TARIKH BERKUATKUASA

Panduan ini dinamakan Garis Panduan Pemindahan Kredit dan Pengecualian Kursus (*Credit Transfer and Course Exemption, CTCE*) Politeknik dan Kolej Komuniti. Panduan ini **berkuatkuasa mulai Sesi Jun 2020** berdasarkan kelulusan Mesyuarat Pengurusan Akademik pada 13 Jun 2019 untuk digunakan oleh semua Politeknik dan Kolej Komuniti.

## 3.0 TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan untuk:

- 3.1 Memaklumkan prosedur berkaitan pindah kredit dan pengecualian kursus yang perlu dipatuhi oleh Politeknik dan Kolej Komuniti.
- 3.2 Mewujudkan keseragaman dalam pelaksanaan pindah kredit dan pengecualian kursus di Politeknik dan Kolej Komuniti.

## 4.0 DEFINISI

### 4.1 Pindah Kredit (*Credit Transfer, CT*)

Pindah kredit adalah proses memindahkan kredit kursus yang telah diambil oleh pelajar dalam sesuatu program ke program yang lain yang membawa kepada penganugerahan kelayakan yang ditawarkan oleh institusi yang sama atau institusi yang berbeza. Proses ini membolehkan kredit bagi kursus tersebut dikira sebagai sebahagian daripada keperluan kredit untuk bergraduat bagi program tersebut. Pada asasnya, kursus yang boleh dipindah kredit adalah kursus yang setara dengan kursus di program yang sedang diikuti.

### 4.2 Pengecualian Kursus (*Course Exemption, CE*)

Pengecualian kursus adalah proses mengecualikan seseorang pelajar daripada mengambil kursus dalam program yang diikuti atas sebab-sebab tertentu. Pengecualian ini tidak menyebabkan pelajar mendapat kredit bagi kursus yang dikecualikan. Oleh itu, pelajar perlu menggantikan kursus yang dikecualikan dengan kursus yang lain bagi mencukupkan keperluan kredit untuk bergraduat.

### Perbezaan antara Pindah Kredit dengan Pengeccualian Kursus

Pindah Kredit	Pengeccualian Kursus
<p>Proses pindah kredit membolehkan <b>kredit bagi kursus tersebut dikira sebagai sebahagian daripada keperluan kredit untuk bergraduat</b> bagi program yang sedang diikuti.</p>	<p>Pengeccualian kursus <b>tidak membawa sebarang nilai kredit.</b> Pelajar perlu mengambil kursus lain bagi mencukupkan keperluan kredit untuk bergraduat.</p>



## BAHAGIAN 2 : PEMINDAHAN KREDIT

### 5.0 DASAR PINDAH KREDIT

5.1 Pindah kredit boleh dilakukan dalam dua (2) kategori seperti berikut:

a. **Mendatar (*Horizontal*)**

Pindah kredit daripada program pengajian di tahap kelayakan yang sama seperti daripada sijil ke sijil, diploma ke diploma dan ijazah sarjana muda ke ijazah sarjana muda.

b. **Menegak (*Vertical*)**

Pindah kredit daripada program pengajian peringkat rendah ke peringkat yang lebih tinggi.

5.2 Pindah kredit adalah dibenarkan bagi kes-kes berikut :

a. **Mendatar (*Horizontal*)**

Dasar pindah kredit bagi kategori mendatar (*horizontal*) bagi program pengajian yang mendapat akreditasi di bawah MQA, ETAC dan TTAC adalah seperti berikut :

i. **Pelajar sedang mengikuti program dalam sistem Politeknik/Kolej Komuniti**

- Pelajar bertukar program pengajian yang berbeza di Politeknik/Kolej Komuniti
- Pelajar yang berpindah Politeknik/Kolej Komuniti mengikuti program pengajian yang sama
- **Tiada had pindah kredit** bagi program pengajian di bawah MQA dengan mematuhi syarat-syarat umum pindah kredit.

ii. **Pelajar sedang mengikuti program di PPT lain**

- Pelajar daripada PPT lain yang menyambung pengajian di Politeknik/Kolej Komuniti pada peringkat dan program yang sama; atau
- Pelajar daripada PPT lain menyambung pengajian di Politeknik/Kolej Komuniti pada peringkat yang sama tetapi program yang berlainan
- **Pindah kredit bagi 2 situasi di atas dibenarkan dan ia tertakluk kepada tempoh bermastautin pelajar (*residential year*)**
- Tempoh pemastautin (*residential year*) di PPT yang menganugerahkan kelayakan mengikut peringkat adalah seperti berikut:
  - a) Ijazah Sarjana Muda : 1 tahun
  - b) Diploma : 1 semester
  - c) Sijil : 1 semester
- Tempoh ini mengambilkira kelaziman *currency of knowledge* bagi sesuatu program adalah 5 tahun.  
(Rujukan : Kompilasi Dasar Jaminan Kualiti Pendidikan Tinggi 2009 – 2017, muka surat 94)

iii. Syarat tambahan bagi **program-program pengajian kejuruteraan yang mendapat akreditasi dari ETAC, pindah kredit maksimum 50% daripada jumlah kredit program** yang diikuti dibenarkan bagi pemindahan kredit secara mendatar. Dasar ini tertakluk kepada semua situasi pemindahan mendatar.

(Rujukan : *Engineering Technician Education Programme Accreditation Standard 2020, page G-17*)

iv. Kursus dalam kelompok U1 Matapelajaran Pengajian Umum (MPU) dibenarkan untuk dipindah kredit secara mendatar secara berkelompok (*package*). Pencapaian hasil pembelajaran adalah dinilai berdasarkan hasil pembelajaran berkelompok dan bukan mengikut kursus. Pelajar yang telah melengkapkan semua kursus Kelompok U1 MPU di PPT terdahulu dianggap telah mencapai hasil pembelajaran berkelompok bagi kursus Kelompok U1 dan seterusnya layak memindah kredit ke IPT lain tanpa melihat perbezaan kredit kursus di PPT terdahulu dan PPT baharu. Pelaksanaan dasar pindah kredit adalah berkuatkuasa bagi semua pelajar yang masih dalam sesi pengajian.

(Rujukan : Mesyuarat Kajian Semula Dasar – Dasar Berkaitan Jaminan Kualiti (MKSDJK) KPM-MQA Bil 3/2019 bertarikh 10 Disember 2019)

v. Kursus Matapelajaran Pengajian Umum (MPU) kelompok U2, U3 dan U4 dibenarkan untuk dipindah kredit secara mendatar dengan mematuhi syarat-syarat umum pindah kredit.

b. **Menegak (*Vertical*)**

Dasar pindah kredit bagi kategori menegak (*vertical*) program pengajian yang mendapat akreditasi di bawah MQA, ETAC dan TTAC adalah seperti berikut :

i. **Pemindahan Kredit daripada Sijil ke Diploma**

Pelajar lulusan sijil PPT lain yang menyambung pengajian ke peringkat Diploma Politeknik/Kolej Komuniti. Had maksimum jumlah pindah kredit yang dibenarkan adalah 30% daripada jumlah kredit program yang diikuti di Politeknik/Kolej Komuniti yang berkuatkuasa pada 23 Mei 2016. (Rujukan : Kompilasi Dasar Jaminan Kualiti Pendidikan Tinggi 2009 – 2017, muka surat 92)

## ii. Pemindahan Kredit daripada Diploma ke Sarjana Muda

- Pelajar lepasan Diploma Politeknik/Kolej Komuniti/IPT lain yang menyambung pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana Muda Politeknik. Pindah kredit dibenarkan sehingga maksimum 30% (lebih kurang satu tahun pengajian) daripada jumlah kredit program yang akan diikuti di Politeknik. (Rujukan : Kompilasi Dasar Jaminan Kualiti Pendidikan Tinggi 2009 – 2017, muka surat 93)
- Pindah kredit untuk kelayakan Diploma (Tahap 4, MQF) ke Sarjana Muda (Tahap 6, MQF) secara vertical dengan pindahan maksimum sebanyak 50% daripada jumlah kredit program yang diikuti dengan ketetapan berikut :

Peratus Pindah Kredit (%)	Gred Minimum Kursus
1 hingga 30	Gred C
31 hingga 50	Gred B

## iii. Pemindahan Kredit daripada Diploma Lanjutan (*Advanced Diploma*) ke Sarjana Muda

Pelajar yang berkelayakan Diploma Lanjutan yang turut memiliki Diploma boleh dipertimbangkan pindah kredit sehingga maksimum dua (2) tahun pengajian program peringkat Ijazah Sarjana Muda. Oleh itu, pelajar akan mengikuti tahun ketiga program Ijazah Sarjana Muda. (Rujukan : Kompilasi Dasar Jaminan Kualiti Pendidikan Tinggi 2009–2017, muka surat 93)

5.3 Pindah kredit tidak dibenarkan bagi kes-kes berikut :

### a. Mendatar (*Horizontal*)

**Pelajar yang diberhentikan** daripada pengajian **atas sebab kegagalan akademik** dan kemudiannya menyambung semula pengajian dalam program yang lain. (Rujukan : Kompilasi Dasar Jaminan Kualiti Pendidikan Tinggi 2009 – 2017, muka surat 94)

b. **Menegak (Vertical)**

- i. Daripada kelayakan yang lebih tinggi ke program di peringkat yang lebih rendah
- ii. **Kursus MPW/MPU tidak dibenarkan untuk pindah kredit.**  
(Rujukan : Kompilasi Dasar Jaminan Kualiti Pendidikan Tinggi 2009 – 2017, muka surat 94)
- iii. **Kursus Latihan Industri**

5.4 Bagi kes Perkara 5.2, pelajar tertakluk kepada syarat umum pindah kredit dalam Perkara 6.0 dan syarat tempoh pemastautin pelajar. Tempoh pemastautin bermaksud pelajar perlu mengikuti pengajian di Politeknik/Kolej Komuniti selama sekurang-kurangnya satu semester bagi program peringkat Sijil atau Diploma dan satu (1) tahun bagi program peringkat Ijazah Sarjana Muda.

## 6.0 SYARAT UMUM PINDAH KREDIT

- 6.1 Pindah kredit hendaklah berasaskan kepada pemetaan kandungan antara kursus-kursus yang berkenaan.
- 6.2 Bagi kes-kes di perkara 5.2 syarat-syarat umum yang berikut perlulah dipatuhi:
  - a. **Gred lulus minimum** kursus terlibat yang boleh dipindah kredit ialah **C**;
  - b. **Kesetaraan** antara kandungan kursus **mestilah tidak kurang** daripada **80%**;
  - c. **Nilai kredit kursus :**  
**MQA / ETAC / TTAC :** Nilai kredit kursus bagi program terdahulu mestilah **sama atau lebih daripada nilai kredit kursus** bagi program yang diikuti di PPT penerima; dan
  - d. **Kursus yang dimohon untuk dipindahkan kredit** mestilah daripada program pengajian yang **telah mendapat Perakuan Akreditasi** daripada **MQA**.

## 7.0 KAEDAH PELAKSANAAN PEMINDAHAN KREDIT

- 7.1 Pelaksanaan pemindahan kredit adalah berdasarkan permohonan pelajar dan kelulusan Jawatankuasa Pemindahan Kredit dan Pengeccualian Kursus di peringkat Politeknik/Kolej Komuniti.
- 7.2 Bagi kes-kes 5.2a, segala keputusan peperiksaan yang diperolehi daripada pengajian terdahulu adalah dikekalkan. Keputusan kursus yang berkenaan diguna pakai dalam pengiraan Purata Nilai Mata (PNM) dan Himpunan Purata Nilai Mata (HPNM).
- 7.3 Bagi kes-kes 5.2b, kaedah berikut perlu dipatuhi:
- a. Keutamaan pindah kredit diberikan kepada kursus daripada tahap rendah terlebih dahulu
  - b. Nilai kredit bagi kursus yang diberi pemindahan kredit diambil kira bagi memenuhi keperluan jumlah kredit untuk bergraduasi.
- 7.4 **Pindah Kredit Dengan Gred**  
Pindah kredit secara mendatar (*horizontal*) bagi pelajar yang masih dalam pengajian, kredit diambilkira dalam kredit bergraduasi pelajar dan gred kursus diambilkira dalam pengiraan Purata Nilai Mata (PNM) dan Himpunan Purata Nilai Mata (HPNM).

### **Contoh :**

Pelajar yang sedang mengikuti Diploma A bertukar ke Diploma B pada semester kedua. Maka proses pindah kredit pelajar tersebut akan mengambil kira gred kursus dari Diploma A dalam pengiraan PNM dan HPNM pelajar di Diploma B.

### 7.5 **Pindah Kredit Tanpa Gred (Pengeccualian Kredit)**

Pindah kredit secara menegak (*vertical*) atau mendatar (*horizontal*) bagi pelajar yang telah tamat pengajian atau telah mencapai tahap kompetensi dalam kursus berkenaan, kredit kursus yang dipindahkan diambilkira dalam kredit bergraduat tetapi gred kursus tidak diambil kira dalam pengiraan PNM dan HPNM pelajar.

#### **Contoh 1:**

Pelajar lepasan sijil menyambung pengajian ke peringkat diploma dan membuat pindah kredit bagi kursus-kursus yang bersesuaian. Maka kredit bagi kursus yang pernah diikuti di peringkat sijil akan diambil kira dalam pengiraan kredit bergraduat pelajar. Namun, gred kursus tidak akan diambil kira dalam pengiraan PNM dan HPNM pelajar.

#### **Contoh 2:**

Pelajar yang telah tamat program Diploma A dan kemudian ingin mengikuti program Diploma B. Bagi situasi ini yang mana pelajar telah memiliki kelayakan di peringkat yang sama, maka pindah kredit tidak akan mengambil kira gred kursus dalam pengiraan PNM dan HPNM pelajar di Diploma B. Hanya kredit yang akan diambil kira dalam pengiraan PNM dan HPNM pelajar.

#### **Contoh 3:**

Pindah kredit berdasarkan pengalaman melalui APEL Credit (C) tidak melibatkan gred. Oleh yang demikian, hanya kredit yang akan diambil kira.

7.6 Jika seorang pelajar berhenti daripada pengajian atas sebab-sebab tertentu seperti masalah kewangan atau kesihatan (bukan atas sebab kegagalan akademik) dan ingin menyambung pengajian dalam program yang lain di peringkat yang sama, pindahan kredit bagi situasi ini boleh dipertimbangkan dengan tertakluk kepada syarat pindah kredit. Lazimnya, pengetahuan semasa (*current knowledge*) bagi sesuatu program adalah lima tahun.

Dalam hal ini, terdapat dua keadaan berbeza seperti berikut:

- a. PPT yang sama: Sekiranya pelajar ingin menyambung pengajiannya di PPT yang sama, tiada had pindah kredit dan tertakluk kepada syarat pemindahan kredit.
- b. PPT yang berbeza: Sekiranya pelajar tersebut menyambung pengajian daripada PPT lain, maka pemindahan kredit adalah tertakluk kepada syarat pemastautin pelajar (*residential year*) seperti berikut:
  - i. Ijazah Sarjana Muda : 1 tahun
  - ii. Diploma : 1 semester
  - iii. Sijil : 1 semester



## BAHAGIAN 3 : PENGECEUALIAN KURSUS

### 8.0 DASAR PENGECEUALIAN KURSUS

Berdasarkan Kompilasi Dasar Jaminan Kualiti Pendidikan Tinggi 2009– 2017, muka surat 99-100, berikut ialah ketetapan berkenaan dengan pengecualian kursus:

- 8.1 Pengecualian kursus perlu dilakukan berdasarkan kepada kesetaraan kandungan kursus yang dimohon dengan pembuktian pengetahuan dan kemahiran pelajar.
- 8.2 Pengecualian kursus **TIDAK** akan menyebabkan pelajar mendapat kredit bagi kursus yang dikecualikan.
- 8.3 Pelajar perlu mengambil kursus lain bagi menggantikan kursus berkenaan sekiranya pengecualian kursus tersebut menyebabkan keperluan jumlah kredit untuk bergraduasi tidak mencukupi.
- 8.4 Penambahan kursus ke dalam sesuatu program pengajian bagi membolehkan pelajar yang mendapat pengecualian kursus memenuhi keperluan kredit untuk bergraduasi adalah dibenarkan dengan syarat-syarat berikut :
  - a. Kursus yang ditambah mestilah daripada kursus yang sama tahap dengan program yang ditawarkan.
  - b. Sekiranya program yang terlibat adalah program kerjasama, maka kursus yang ditambah boleh diambil sama ada daripada program-program yang ditawarkan rakan kerjasama tersebut atau daripada program-program kerjasama yang lain.

- c. Penambahan kursus kokurikulum juga dibenarkan.
  
- d. Sekiranya kursus tambahan ini diambil daripada program yang telah mendapat akreditasi sementara atau akreditasi penuh, maka kursus tersebut tidak perlu dinilai oleh MQA. Walau bagaimanapun, sekiranya PPT menawarkan kursus baharu, maka kursus tersebut perlu dinilai oleh MQA.

## BAHAGIAN 4 : PROSEDUR DAN PERANAN

### 9.0 PROSEDUR PERMOHONAN PINDAH KREDIT DAN PENGECCUALIAN KURSUS OLEH PELAJAR

- 9.1 Pelajar telah dimaklumkan oleh Politeknik/Kolej Komuniti mengenai proses permohonan dan syarat-syarat yang berkaitan dengan pindah kredit dan pengecualian kursus.
- 9.2 Permohonan hendaklah dibuat dalam tempoh TIGA (3) Minggu Pertama sesi pengajian.
- 9.3 Pelajar seharusnya mengemukakan dokumen seperti berikut:
  - a. Borang Permohonan Pemindahan Kredit Dan Pengeccualian Kursus adalah seperti di **Lampiran 1**.
  - b. Slip keputusan peperiksaan terdahulu yang telah disahkan.
  - c. Salinan pengesahan akreditasi program terdahulu. Status akreditasi program terdahulu boleh disemak melalui portal rasmi *Malaysian Qualification Register* (MQR) di laman sesawang <https://www2.mqa.gov.my/mqr/>.
  - d. Maklumat kursus yang dimohon bagi tujuan pemetaan:  
Maklumat kursus tersebut mestilah kursus yang digunapakai pada tahun semasa pelajar bergraduat. Urusan mendapatkan maklumat kursus tersebut adalah **tanggungjawab pelajar**.

e. Bagi program di Politeknik dan Kolej Komuniti dokumen tersebut boleh dimohon melalui Unit Jaminan Kualiti Politeknik/Kolej Komuniti.

9.4 Pelajar perlu mengemukakan permohonan pindah kredit dan pengecualian kursus kepada pihak Politeknik/Kolej Komuniti melalui Pegawai yang dilantik oleh Jabatan.

9.5 Permohonan yang tidak lengkap akan ditolak oleh Politeknik/Kolej Komuniti.

## 10.0 PROSEDUR PENGURUSAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

- 10.1 Jawatankuasa Pemindahan Kredit dan Pengeccualian Kursus di peringkat Induk dan Jabatan Politeknik/Kolej Komuniti perlu ditubuhkan bagi meneliti dan membuat keputusan terhadap permohonan pemindahan kredit dan pengeccualian kursus yang dikemukakan oleh pelajar.
- 10.2 Keanggotaan **Jawatankuasa Induk Pemindahan Kredit dan Pengeccualian Kursus yang dilantik oleh Pengarah :**
- i. Timbalan Pengarah Akademik (Pengerusi)
  - ii. Pegawai Peperiksaan (Setiausaha)
  - iii. Ketua-ketua Jabatan Akademik/Ketua Program
  - iv. Ahli-ahli yang berkaitan
- 10.3 **Jawatankuasa Pemindahan Kredit dan Pengeccualian Kursus di peringkat Jabatan** dianggotai oleh :
- i. Ketua Jabatan/Ketua Program
  - ii. Pegawai Kualiti Jabatan
  - iii. Penasihat Akademik
  - iv. Ahli-ahli yang berkaitan
- 10.4 **Permohonan pindah kredit dan pengeccualian kursus** oleh pelajar hanya boleh dilakukan **sekali sahaja** sepanjang pengajian di Politeknik/Kolej Komuniti.
- 10.5 **Pemetaan 80% kesetaraan kandungan kursus** adalah tanggungjawab **Jawatankuasa Pemindahan Kredit dan Pengeccualian Kursus** di peringkat **Jabatan** Politeknik/Kolej Komuniti. Contoh borang dan tatacara pemetaan kandungan kursus boleh dirujuk dalam **Lampiran 2**.

- 10.6 Hanya keputusan pemetaan yang disokong oleh Jawatankuasa Pemindahan Kredit dan Pengeccualian Kursus di peringkat Jabatan Politeknik/Kolej Komuniti akan diangkat untuk **kelulusan Jawatankuasa Induk Pemindahan Kredit Dan Pengeccualian Kursus Politeknik/Kolej Komuniti**.
- 10.7 Keputusan kelulusan dari Jawatankuasa Induk Pemindahan Kredit Dan Pengeccualian Kursus Politeknik/Kolej Komuniti perlu diserahkan kepada jabatan/unit yang berkaitan di Politeknik/Kolej Komuniti dan Bahagian Peperiksaan dan Penilaian, JPPKK bagi tujuan penyelarasan.
- 10.8 Pelajar yang memohon pengeccualian kursus mesti membuktikan tahap pengetahuan mencapai sekurang-kurangnya 80% daripada keperluan kursus. Jawatankuasa berhak mengadakan ujian atau temuduga untuk menentukan sama ada pelajar layak diberikan pengeccualian kursus.
- 10.9 Keputusan permohonan pemindahan kredit dan pengeccualian kursus hendaklah dimaklumkan kepada pelajar selewat-lewatnya pada minggu keenam sesi pengajian.
- 10.10 Keputusan yang ditetapkan oleh **Jawatankuasa Induk Pemindahan Kredit Dan Pengeccualian Kursus Politeknik/Kolej Komuniti** adalah **muktamad**.
- 10.11 Carta Alir Permohonan Pemindahan Kredit Dan Pengeccualian Kursus boleh dirujuk dalam **Lampiran 3**.
- 10.12 Rumusan Panduan Pemindahan Kredit dan Pengeccualian Kursus (*Credit Transfer and Course Exemption, CTCE*) Politeknik dan Kolej Komuniti boleh di rujuk dalam **Lampiran 4**.



# LAMPIRAN



### LAMPIRAN 1 : CONTOH BORANG PERMOHONAN PEMINDAHAN KREDIT DAN PENGECUALIAN KURSUS

(LOGO POLITEKNIK)

**BORANG PERMOHONAN PEMINDAHAN KREDIT/PENGECUALIAN KURSUS**

No : \_\_\_\_\_

SESI PENGAJIAN : \_\_\_\_\_

Nama Pelajar : .....

No.Kad Pengenalan : 

						-					
--	--	--	--	--	--	---	--	--	--	--	--

No.Pendaftaran : 

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

      Kursus : 

--	--	--

      Semester : \_\_\_\_\_      Seksyen : \_\_\_\_\_

No.Telefon : 

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

      Program : .....

Alamat surat menyurat atau tetap : .....

	LELAKI
	PEREMPUAN

Jabatan :

JKA	JKE	JKM	JP

Sila baca Garis Panduan Pemindahan Kredit dan Pengecualian Kursus (CTCE) sebelum mengisi borang ini. Sila isikan ruang dibawah ini dengan terang dan betul. Pastikan anda menulis kod dan nama kursus yang berkenaan setelah berbincang dengan PA.

+

Bil	Kursus Politeknik Yang Dipohon CE / CE #			Modul / SPM / Politeknik / IPT Terdahulu Yang Setara				Keputusan Permohonan		
	Kod Kursus	Nama Kursus	Jam Kredit	Kod Kursus	Nama Kursus	Jam Kredit	Gred	% Kesetaraan	Disokong / Tidak Disokong	Tandatangan Ketua Jabatan
	Saya mengaku bahawa keterangan yang diberi dalam borang ini adalah betul dan benar :	Telah dibawa berbincang dengan PA		Keputusan dibuat oleh Jawatankuasa Pemindahan Kredit dan Pengecualian Kursus Politeknik: xxx (Nama Politeknik) <b>DILULUSKAN / TIDAK DILULUSKAN</b>						
	Tandatangan pelajar : Tarikh :	Tandatangan PA : Tarikh :		Tandatangan Pengerusi dan Cop Rasmi :			Tarikh :			

\*Tandangan ✓ bagi yang berkenaan sahaja. # Potong yang **TIDAK** berkenaan



**LAMPIRAN 2 : BORANG PEMETAAN PEMINDAHAN KREDIT DAN PENGECUALIAN KURSUS**

**Bahagian 1 : Status Syarat Pemetaan dan Senarai Kursus Yang Dipohon Untuk Pemetaan**

		Institusi terdahulu			Institusi sekarang	
<b>1</b>	Nama Institusi					
<b>2</b>	Nama Program Pengajian					
<b>3</b>	Kod Program Pengajian					
<b>Akreditasi Program Pengajian</b>						
<b>4</b>	i) Status akreditasi					
	ii) Tarikh akreditasi					
	iii) Badan pengakreditasi					
<b>5</b>	<b>Senarai Kursus Yang Dipohon Untuk Pemetaan Dan Kredit</b> <small>(Mohon dilampirkan struktur program daripada kedua-dua institusi)</small>	<b>Nama Kursus</b>	<b>Nilai Kredit</b>	<b>Gred Kredit</b>	<b>Nama Kursus</b>	<b>Nilai Kredit</b>
	i)					
	ii)					
	iii)					
	iv)					
	v)					
	vi)					
	vii)					
	vii)					


## Bahagian 2 : Jadual Pemetaan

Nama dan Kredit	Institusi Terdahulu		Institusi Sekarang		Kesetaraan		Justifikasi
					Setara	Tidak Setara	
i)	xxxx	3 kredit	dddd	3 kredit			
ii)	yyyy	2 kredit					
iii)							
Jumlah kredit		5 kredit		3 kredit			
Jumlah Course Learning Outcome (CLO)	6		2				
Aras Pembelajaran dalam CLO (Taxonomy)	1	C3		C3			
	2	C2					
	3						
	4						
	5						
	6						

Pemetaan Kandungan Kurikulum							
	Topik & Sub Topik		Topik & Sub Topik		Peratus Kesetaraan	Justifikasi	
	Topik 1		Topik 1		25%		
	1.10	xxxx		yyy			
	1.20	xxxx					
	1.30	xxxx					
	1.40	xxxx					
	Jumlah		4	Jumlah			1
	Topik 2		Topik 2		33%		
	2.10	bbb		bbb			
	2.20	bbb		bbb			
	2.30	bbb		ss			
	2.40						
	2.50						
	2.60						
	Jumlah		6	Jumlah		2	
						40%	
	Jumlah		5	Jumlah			
						100%	
	Jumlah		4	Jumlah			
						33%	
	Jumlah		6	Jumlah			
						56%	
	Jumlah		9	Jumlah			
<b>Jumlah Kesetaraan Kursus</b>					<b>47.87%</b>		

Maka dengan ini, adalah disyorkan kepada Jawatankuasa Pemindahan Kredit Dan Pengecualian Kursus supaya **MELULUSKAN / TIDAK MELULUSKAN** pindah kredit dan pengecualian kursus dari **CPB1022 : Bahan dan Teknologi Binaan (Kolej Komuniti)** ke **SPB1032 : Bahan dan Binaan Bangunan** bagi **program pengajian DPB: Diploma Kejuruteraan Perkhidmatan Bangunan.**

**LAMPIRAN 3 : CARTA ALIR PERMOHONAN PEMINDAHAN KREDIT DAN PENGECUALIAN KURSUS**



LAMPIRAN 4 : RUMUSAN PANDUAN PEMINDAHAN KREDIT DAN PENGECEUALIAN KURSUS

DASAR-DASAR PEMINDAHAN KREDIT DAN PENGECEUALIAN KURSUS	MQA	ETAC/TTAC
<b>Pemindahan Kredit boleh dilakukan dalam dua kategori seperti berikut : a. Menegak b. Mendatar</b>		
<p><b>a) Menegak (Vertical)</b></p> <p>Pemindahan kredit kepada peringkat yang lebih tinggi.</p> <p>Dasar-dasar yang sama adalah digunakan oleh ketiga-tiga badan akreditasi.</p>	<p><b>Situasi yang berkaitan dengan pindah kredit secara menegak:</b></p>	
	<p><b>1. Pemindahan kredit daripada sijil ke diploma:</b> Dibenarkan dengan pindahan maksima 30% daripada jumlah kredit program yang diikuti.</p>	
	<p><b>2. Pemindahan kredit daripada diploma ke ijazah :</b> Dibenarkan dengan pindahan maksima 30% daripada jumlah kredit program yang diikuti.</p>	
	<p><b>3. Pemindahan kredit daripada diploma lanjutan ke Ijazah:</b> Pelajar yang berkecualan diploma lanjutan (yang turut memiliki diploma) boleh dipertimbangkan pemindahan kredit sehingga maksimum dua tahun pengajian peringkat sarjana muda (pelajar akan mengikuti tahun ketiga program sarjana muda).</p>	
	<p><b>4. Pemindahan kredit daripada kelayakan yang lebih tinggi (contoh sarjana muda) ke program di peringkat yang lebih rendah (contoh diploma):</b> Pindah kredit tidak dibenarkan</p>	

DASAR-DASAR PEMINDAHAN KREDIT DAN PENGECEUALIAN KURSUS	MQA	ETAC/TTAC
		<p><b>5. Pemindahan kredit bagi program yang telah ada kesinambungan dari peringkat rendah ke peringkat yang lebih tinggi</b></p> <p>Sekiranya Pemberi Pengajian Tinggi (PPT) telah berkolaborasi secara formal di dalam merancang kurikulum bagi kedua-dua program dengan memastikan terdapatnya kesinambungan ke peringkat yang lebih tinggi maka pemindahan kredit maksimum yang dibenarkan adalah 50% daripada jumlah kredit program yang diikuti. (Rujukan Manual ETAC 2020, ms 17, TTAC, m/s 26)</p>

DASAR-DASAR PEMINDAHAN KREDIT DAN PENGECUALIAN KURSUS	MQA	ETAC/TTAC
<b>Pemindahan Kredit boleh dilakukan dalam dua kategori seperti berikut : a. Menegak b. Mendatar</b>		
<p><b>b) Mendatar (<i>Horizontal</i>)</b></p> <p>Pemindahan kredit daripada program di tahap yang sama seperti daripada sijil ke sijil/diploma ke diploma/sarjana muda ke sarjana muda.</p> <p>Dasar-dasar berkaitan pemindahan kredit secara mendatar adalah berbeza bagi ketiga-tiga badan akreditasi tersebut.</p>	<p>i) Program pengajian di bawah seliaan MQA menetapkan dasar yang berbeza mengikut situasi tertentu dan bergantung kepada <i>residential year</i>.</p> <p><b>i) Residential year</b></p> <p>Membawa maksud tempoh bermastautin pelajar di mana MQA menetapkan tempoh seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1) Ijazah Sarjana muda – 1 tahun</li> <li>2) Diploma – 1 semester</li> <li>3) Sijil – 1 semester</li> </ol> <p>Tempoh ini mengambil kira kelaziman <i>currency of knowledge</i> bagi sesuatu program adalah 5 tahun.</p> <p>ii) Situasi yang berkaitan dengan pemindahan secara mendatar adalah seperti berikut :</p>	<p>Program pengajian di bawah akreditasi ETAC <b>pemindahan kredit maksimum 50% daripada jumlah kredit program yang diikuti</b> dibenarkan bagi pemindahan kredit secara mendatar. Dasar ini tertakluk kepada semua jenis situasi pemindahan mendatar.</p> <p>TTAC juga telah menetapkan dasar mengikut situasi dan bergantung kepada <b>residential year</b> sebagai mana MQA, iaitu:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1) Ijazah Sarjana muda – 1 tahun</li> <li>2) Diploma – 1 semester</li> <li>3) Sijil – 1 semester</li> </ol> <p>Tempoh ini mengambil kira kelaziman <i>currency of knowledge</i> bagi sesuatu program adalah 5 tahun.</p>

**a) Pelajar telah memiliki kelayakan dan ingin melanjutkan pelajaran kali kedua dalam peringkat yang sama dengan kelayakan yang dimiliki.**

- Pemindahan kredit dibenarkan
- Tiada had pindah kredit jika pelajar di PPT yang sama
- Bagi pelajar yang melanjutkan pengajian untuk kali ke dua di PPT yang berbeza pindah kredit adalah tertakluk kepada tempoh bermastautin pelajar (*residential year*)
- Kuatkuasa mulai 23 Mei 2016

**b) Pelajar sedang mengikuti program dan ingin menukar ke program lain dalam bidang yang sama dengan program yang sedang diikuti :**

- Pemindahan kredit dibenarkan. Sekiranya program tersebut diambil di PPT yang sama, tiada had pemindahan kredit dan ia tertakluk kepada syarat pindah kredit.
- Sekiranya program yang ingin diikuti di PPT adalah berbeza, pindah kredit adalah tertakluk kepada syarat tempoh bermastautin (*residential year*) pelajar

	<p><b>c) Pelajar gagal program dan ingin melanjutkan pengajian dalam program lain diperingkat yang sama :</b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Pemindahan kredit (termasuk MPW / MPU) tidak dibenarkan</li></ul> <p><b>d) Pelajar berhenti belajar daripada pengajian dan kemudiannya ingin menyambung semula pengajian tetapi di dalam program lain di peringkat sama :</b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Pemindahan kredit boleh dipertimbangkan</li><li>• Sekiranya program tersebut diambil di PPT yang sama, tiada had pindah kredit tertakluk kepada syarat tempoh bermastautin pelajar (<i>residential year</i>)</li><li>• Sekiranya program yang ingin diikuti di PPT yang berbeza, pemindahan kredit tertakluk kepada syarat tempoh bermastautin pelajar (<i>residential year</i>)</li></ul>	
--	--	--



**e) Pelajar sedang mengikuti sesuatu program dan dalam masa yang sama mengambil beberapa kursus di PPT yang lain. (contoh; program mobiliti atau program pertukaran pelajar) :**

- Pemindahan kredit adalah dibenarkan tertakluk kepada tempoh bermastautin pelajar (*residential year*) di PPT yang menganugerahkan kelayakan.
- Kuatkuasa mulai 19 September 2016

f) Kursus dalam kelompok U1 Matapelajaran Pengajian Umum (MPU) dibenarkan untuk dipindah kredit secara mendatar secara berkelompok (*package*). Pencapaian hasil pembelajaran adalah dinilai berdasarkan hasil pembelajaran berkelompok dan bukan mengikut kursus. Pelajar yang telah melengkapkan semua kursus Kelompok U1 MPU di PPT terdahulu dianggap telah mencapai hasil pembelajaran berkelompok bagi kursus Kelompok U1 dan seterusnya layak memindah kredit ke IPT lain tanpa melihat perbezaan kredit kursus di PPT terdahulu dan PPT baharu. Pelaksanaan dasar pindah kredit adalah berkuatkuasa bagi semua pelajar yang masih dalam sesi pengajian.

(Rujukan : Mesyuarat Kajian Semula Dasar – Dasar Berkaitan Jaminan Kualiti (MKSDJK) KPM-MQA Bil 3/2019 bertarikh 10 Disember 2019)

**Pemindahan kredit juga boleh dilakukan dengan gred atau tanpa gred. Dasar ini adalah tertakluk kepada polisi sedia ada bagi ketiga-tiga badan akreditasi**

**1) Pindah kredit dengan gred**

Pindah Kredit secara mendatar (*horizontal*) bagi pelajar yang berada dalam sistem (pelajar yang masih dalam pengajian). Kredit dikira dalam kredit bergraduat pelajar dan gred kursus diambil kira dalam pengiraan Purata Nilai Mata (PNM) dan Purata Nilai Mata Kumulatif (HPNM).

**Situasi yang berkaitan dengan pindah kredit dengan gred :**

- a) Pelajar yang sedang mengikuti Diploma A bertukar ke Diploma B pada semester kedua (di politeknik yang sama atau bertukar politeknik). Maka proses pindah kredit pelajar tersebut akan mengambilkira gred kursus dari Diploma A dalam pengiraan (PNM) dan (HPNM) untuk Diploma B.
- b) Pelajar yang bertukar Politeknik / Kolej Komuniti dengan mengikuti program yang sama. Maka proses pindah kredit pelajar tersebut akan mengambilkira gred kursus dalam pengiraan (PNM) dan (HPNM).
- c) Pelajar sedang mengikuti suatu program dan dalam masa yang sama mengambil beberapa kursus di PPT yang lain (program pertukaran pelajar).
- d) Pelajar dari PPT lain menyambung pengajian ke Politeknik / Kolej Komuniti pada peringkat dan program yang sama.
- e) Pelajar dari PPT lain menyambung pengajian ke Politeknik / Kolej Komuniti pada peringkat yang sama tetapi program yang berlainan.
- f) Pindahan kredit boleh dipertimbangkan bagi pelajar Politeknik / Kolej Komuniti yang berhenti dari pengajian bukan atas sebab kegagalan akademik dan kemudiannya menyambung semula pengajian dalam program yang sama atau program yang lain di peringkat yang sama. Tiada had pindah kredit dibenarkan.

## 2) Pindah kredit tanpa gred

Pindah kredit secara menegak (*vertical*) atau mendatar (*horizontal*) bagi pelajar yang telah keluar dari sistem (pelajar yang telah tamat pengajian) atau telah mencapai tahap kompetensi dalam kursus berkenaan. Kredit kursus yang dipindahkan diambilkira dalam kredit bergraduasi tetapi gred kursus yang dipindahkan tidak diambilkira dalam pengiraan PNG dan PNGK pelajar.

Contoh-contoh situasi yang berkaitan dengan pindah kredit tanpa gred :

- a) Pelajar lepasan Diploma Lanjutan Politeknik atau PPT lain yang menyambung pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana Muda Politeknik. Pindahan kredit dibenarkan sehingga maksimum dua tahun pengajian program yang akan diikuti.
- b) Pelajar lepasan Diploma Politeknik atau PPT lain yang menyambung pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana Muda Politeknik. Had maksimum kredit yang dipindahkan adalah 30% daripada jumlah kredit program yang akan diikuti.
- c) Pelajar lepasan Sijil yang menyambung pengajian ke peringkat Diploma dan membuat pindah kredit bagi kursus-kursus bersesuaian. Maka kredit bagi kursus yang pernah diikuti di peringkat Sijil akan diambil kira dalam pengiraan kredit bergraduasi pelajar. Namun, gred kursus tidak akan diambil kira dalam pengiraan PNM dan HPNM pelajar daripada kelayakan Sijil ke Diploma. Had maksimum kredit yang dipindahkan adalah 30% daripada jumlah kredit program yang akan diikuti.
- d) Pelajar yang telah tamat program Diploma A dan kemudian ingin mengikuti program Diploma B. Bagi situasi ini, yang mana pelajar telah memiliki kelayakan di peringkat yang sama, maka pindah kredit tidak akan mengambilkira gred kursus dalam pengiraan PNM dan HPNM pelajar untuk Diploma B.
- e) Pemindahan kredit yang berdasarkan pengalaman melalui APEL, kredit tidak melibatkan gred. Oleh yang demikian, hanya kredit yang akan diambil kira.

DASAR-DASAR PEMINDAHAN KREDIT DAN PENGECUALIAN KURSUS	MQA	ETAC/TTAC
<b>Syarat-syarat umum pindah gred dan tanpa gred</b>		
<p>Bagi tujuan pindah kredit dengan gred dan tanpa gred, ketiga-tiga badan akreditasi menetapkan syarat yang sama. Terdapat juga beberapa kes yang menyebabkan pindah kredit tidak dibenarkan.</p>	Gred lulus minimum kursus terlibat yang boleh dipindah kredit adalah gred C	
	Nilai kredit : sama atau lebih dengan nilai kursus bagi program di PPT penerima	
	Kesetaraan antara kandungan kursus mestilah tidak kurang daripada 80%	
	Kursus yang dimohon untuk dipindahkan kredit mestilah daripada program pengajian yang telah mendapat Perakuan Akreditasi daripada MQA	
	<p><b>Pemindahan kredit tidak dibenarkan bagi kes-kes berikut :</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Pelajar yang diberhentikan dari pengajian di atas sebab kegagalan akademik dan kemudiannya menyambung semula pengajian di dalam program yang lain.</li> <li>ii) Daripada kelayakan yang lebih tinggi ke program di peringkat yang lebih rendah.</li> <li>iii) Latihan industri tidak dibenarkan untuk dipindah kredit.</li> <li>iv) Pengecualian kursus tidak dibenarkan bagi kursus Mata Pelajaran Umum (MPU). Kursus MPU hanya dibenarkan pindah kredit secara horizontal sahaja.</li> <li>v) Penambahan kursus bagi menggantikan kursus yang dikecualikan; <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Kursus yang ditambah perlulah kursus yang sama tahap. Sekiranya kursus tambahan ini diambil dari program yang telah mendapat Akreditasi Sementara atau Akreditasi Penuh, maka kursus tersebut tidak perlu dinilai oleh MQA.</li> <li>b) Sekiranya kursus baru, maka perlu dinilai</li> </ul> </li> </ul>	

<b>DASAR-DASAR PEMINDAHAN KREDIT DAN PENGECUALIAN KURSUS KURSUS</b>	<b>MQA / ETAC / TTAC</b>
<b>Dasar pengecualian kursus MQA menjadi panduan bagi ketiga-tiga badan akreditasi.</b>	
<p><b>Pengecualian kursus</b></p> <p>Dasar pengecualian kursus politeknik telah disemak semula memandangkan terdapat pemansuhan dalam dasar pengecualian kursus berkaitan kursus MPU. Pemansuhan tersebut adalah disebabkan kursus Mata Pelajaran Wajib (MPW) telah ditambah baik dengan penawaran MPU mulai September 2013 dan pindah kredit MPU hanya dibenarkan secara mendatar sahaja.</p>	<p><b>Dasar-dasar pengecualian kursus yang dikekalkan di Politeknik dan Kolej Komuniti :</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Pengecualian kursus perlu dilakukan berdasarkan kepada kesetaraan kandungan kursus yang dipohon dengan pembuktian pengetahuan dan kemahiran pelajar.</li> <li>ii) Pengecualian kursus tidak menyebabkan pelajar mendapat kredit bagi kursus yang dikecualikan.</li> <li>iii) Pelajar perlu mengambil kursus lain bagi menggantikan kursus berkenaan sekiranya pengecualian tersebut menyebabkan keperluan jumlah kredit bergraduat tidak mencukupi.</li> <li>iv) Kursus yang ditambah perlulah kursus yang sama tahap. Sekiranya kursus tambahan ini diambil dari program yang telah mendapat Akreditasi Sementara atau Akreditasi Penuh, maka kursus tersebut tidak perlu dinilai oleh MQA. Sekiranya kursus baru, maka perlu dinilai.</li> </ul>
<b>Dasar-dasar pengecualian kursus yang dimansuhkan berkaitan MPW adalah seperti berikut:</b>	
	<ul style="list-style-type: none"> <li>i) Pelajar yang lulus MPW di peringkat sijil tidak boleh mengambil semula kursus tersebut di peringkat diploma.</li> <li>ii) Walau bagaimanapun, bagi pelajar yang telah lulus MPW di peringkat sijil/diploma boleh mengambil MPW diperingkat ijazah sarjana muda.</li> <li>iii) Pelajar antarabangsa dikecualikan untuk mengambil MPW, namun diberi pilihan untuk mengambil MPW sekiranya berminat.</li> </ul>

**LAMPIRAN 5 : SURAT PELAKSANAAN DASAR PINDAH KREDIT SECARA MENDATAR  
(HORIZONTAL CREDIT TRANSFER) MENGIKUT KELOMPOK BAGI KURSUS KELOMPOK U1  
MATAPELAJARAN PENGAJIAN UMUM**



TIMBALAN KETUA PENGARAH PENDIDIKAN TINGGI  
(AKADEMIK DAN PEMBANGUNAN)  
DEPUTY DIRECTOR GENERAL OF HIGHER EDUCATION  
(ACADEMIC AND DEVELOPMENT)  
Jabatan Pendidikan Tinggi  
Department Of Higher Education  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
Ministry of Education Malaysia  
Aras 9, No.2, Menara 2,  
Jalan P5/6, Presint 5  
62200 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

**JPT** | JABATAN  
PENDIDIKAN  
TINGGI

Tel: 603-88706401  
Faks (Fax): 603-88706842  
Portal Rasmi: <http://jpt.moe.gov.my>

Ruj. Kami : JPT.(A) 1000/016/018/57JLD.15(41)

Tarikh : 13 Februari 2020

**SEPERTI SENARAI EDARAN**

YBhg.Dato'/ Prof./ Dr.,

**PELAKSANAAN DASAR PINDAH KREDIT SECARA MENDATAR  
(HORIZONTAL CREDIT TRANSFER) MENGIKUT KELOMPOK BAGI  
KURSUS KELOMPOK U1 MATAPELAJARAN PENGAJIAN UMUM**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Kajian Semula Dasar – Dasar Berkaitan Jaminan Kualiti (MKSDJK) KPM-MQA Bil.3/2019 yang telah diadakan pada 10 Disember 2019 telah memutuskan supaya kursus dalam Kelompok U1 Matapelajaran Pengajian Umum (MPU) **dibenarkan** untuk dipindah kredit secara mendatar (*horizontal credit transfer*).
3. Kursus dalam Kelompok U1 MPU dibenarkan untuk dipindah kredit secara mendatar secara berkelompok (*package*). Pencapaian hasil pembelajaran adalah dinilai berdasarkan hasil pembelajaran berkelompok dan bukan mengikut kursus. Pelajar yang telah melengkapkan semua kursus Kelompok U1 MPU di IPT terdahulu dianggap telah mencapai hasil pembelajaran berkelompok bagi kursus Kelompok U1 dan seterusnya layak memindah kredit ke IPT lain tanpa melihat perbezaan kredit kursus di IPT terdahulu dan IPT baharu.
4. Perkara ini adalah selari dengan pelaksanaan pindah kredit MOOC dan pindah kredit APEL(C) dan memberi penjimatan kepada amaun yuran yang perlu dibayar oleh pelajar. Pelajar layak diberikan pindah kredit secara mendatar sekiranya pelajar dapat dinilai melalui suatu proses yang rapi dan disahkan mencapai hasil pembelajaran yang



disasarkan. Ini meliputi sama ada pelajar mengikuti kursus yang sama atau setara dalam program pendidikan formal terdahulu, secara MOOC atau program pendidikan bukan formal. Pelaksanaan dasar pindah kredit secara mendatar mengikut kelompok bagi Kursus Kelompok U1 MPU adalah **berkuatkuasa bagi semua pelajar yang masih dalam sesi pengajian.**

5. Sehubungan dengan itu, YBhg. Datuk/ Dato'/ Prof./ Dr. adalah dipohon untuk mengambil perhatian dan tindakan sewajarnya.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

  
**(DATO' PROF. IR. DR. MOHD SALEH JAAFAR)**

Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi  
(Akademik dan Pembangunan)  
Jabatan Pendidikan Tinggi  
Kementerian Pendidikan Malaysia

s.k.

1. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia
2. Ketua Pegawai Eksekutif (CEO)  
Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)
3. Ketua Pengarah  
Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti
4. Pengarah  
Bahagian Kecemerlangan Akademik  
Jabatan Pendidikan Tinggi

2

## LAMPIRAN 6 : SURAT MAKLUMAN MQA BIL. 2/2020 PENAMBAHBAIKAN DASAR PINDAH KREDIT



Tel: +603 8688 3611 | Faks: +603 8688 3600

**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF**  
(Chief Executive Officer)  
**AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA**  
(Malaysian Qualifications Agency)  
Mercu MQA  
No. 3539, Jalan Teknokrat 7, Cyber 5  
63000 Cyberjaya  
Selangor Darul Ehsan



Ruj. Kami: MQA.100-1/7/2 Jld. 3 ( 7 )

Tarikh : 30 Januari 2020

### KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT)

Tuan/Puan,

### SURAT MAKLUMAN MQA BIL. 2/2020

### PENAMBAHBAIKAN DASAR PINDAH KREDIT

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman, Surat Makluman Berkenaan Dasar Jaminan Kualiti Yang Diputuskan Melalui Mesyuarat Kajian Semula Dasar-Dasar Berkaitan Jaminan Kualiti Bil. 1/2011 - 3/2011 rujukan JPT(A)1000/001/013/05 (17) bertarikh 27 Mac 2012 telah menyatakan dasar pindah kredit secara *vertical* semasa iaitu kelayakan Diploma ke Sarjana Muda adalah seperti berikut:

- i. Pindahan kredit kelayakan Diploma ke kelayakan Sarjana Muda dibenarkan sehingga **maksimum 30%** (lebih kurang satu tahun pengajian) daripada jumlah kredit program yang diikuti.
- ii. Dasar pindah kredit yang ditetapkan ini perlu berasaskan kepada pemetaan kursus (*subject to subject mapping*) dan tertakluk kepada syarat umum pindah kredit iaitu:
  - a. Gred lulus – gred minimum iaitu gred C;
  - b. Nilai Kredit – sama dengan nilai kredit kursus bagi program PPT penerima;
  - c. Kesetaraan kurikulum kursus – tidak kurang 80%; dan
  - d. Kursus yang boleh dipindah kredit hendaklah daripada program yang telah mendapat Akreditasi (termasuk Akreditasi Sementara)/Pengiktirafan dari badan yang berautoriti di negara berkenaan.

3. Mesyuarat Kajian Semula Dasar-Dasar Berkaitan Jaminan Kualiti KPM-MQA Bil. 3/2019 bertarikh 10 Disember 2019 telah bersetuju di atas penambahbaikan ketetapan dasar pindah kredit seperti berikut:

- i. Pindahan kredit untuk kelayakan Diploma (Tahap 4, MQF) ke Sarjana Muda (Tahap 6, MQF) secara *vertical* dengan pindahan **maksimum sebanyak 50%** daripada jumlah kredit program yang diikuti dengan ketetapan berikut:



Peratusan Pindah Kredit (%)	Gred Minimum Kursus
1 hingga 30	Gred C
31 hingga 50	Gred B

ii. Ketetapan dasar pindah kredit seperti di perkara 2 (ii) adalah dikekalkan.

4. Untuk makluman juga, pindah kredit maksimum 60% masih dikekalkan bagi gabungan pindah kredit yang melibatkan kelayakan akademik dan Pengakreditasi Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu bagi Tujuan Penganugerahan Kredit [APEL(C)], *Massive Open Online Courses* (MOOC) dan *Micro-Credential* (MC).

5. Pelaksanaan ini berkuat kuasa daripada tarikh surat ini.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(PROF. IR. DR. KHAIRUL SALLEH BIN MOHAMED SAHARI)**  
 Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Jaminan Kualiti)  
 (Menjalankan Tugas Ketua Pegawai Eksekutif)  
 Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)

s.k.:

1. YBhg. Ketua Setiausaha  
 Pejabat Ketua Setiausaha  
 Kementerian Pendidikan Malaysia  
 Aras 17, No. 2, Menara 2  
 Jalan P5/6, Presint 5  
**62200 W.P. PUTRAJAYA**
2. YBhg. Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi  
 Jabatan Pendidikan Tinggi  
 Kementerian Pendidikan Malaysia  
 Aras 9, No. 2, Menara 2  
 Jalan P5/6, Presint 5  
**62200 W.P. PUTRAJAYA**
3. YBhg. Ketua Pengarah  
 Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti  
 Kementerian Pendidikan Malaysia  
 Aras 5, Galeria PjH, Jalan P4w  
 Persiaran Perdana, Presint 4  
**62100 W.P. PUTRAJAYA**

## LAMPIRAN 7 : PEMAKLUMAN BERKENAAN PENAMBAHBAIKAN DASAR PINDAH KREDIT



KETUA PENGARAH PENDIDIKAN TINGGI  
DIRECTOR GENERAL OF HIGHER EDUCATION  
Jabatan Pendidikan Tinggi  
Department of Higher Education  
Aras 9, No.2, Menara 2,  
Jalan P5/6, Presint 5  
62200 PUTRAJAYA  
MALAYSIA



SPS/2016/05912  
THPE(CSK)



21

Tel: 603-88706381  
Faks (Fax): 603-88706840  
Portal Rasmi: <http://jpt.mohe.gov.my>  
(Official Portal)

Ruj.: JPT.S(A)2000/016/015/05 ( 9 )  
Tarikh: 9 Ogos 2016

### SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Tan Sri/Dato' Seri/ Datuk/Dato'/ Prof./Dr.,

### PEMAKLUMAN BERKENAAN PENAMBAHBAIKAN DASAR PINDAH KREDIT

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Agency, MQA*) telah membuat **penambahbaikan terhadap dasar pindah kredit** iaitu:

#### i. Pindah Kredit Dengan Gred:

Pindah kredit secara *horizontal* bagi pelajar yang berada dalam sistem (pelajar yang masih dalam pengajian). Kredit dikira dalam kredit bergraduasi pelajar dan gred kursus diambil kira dalam pengiraan Purata Nilai Gred (PNG) dan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK).

Contoh:

Pelajar yang sedang mengikuti Diploma A bertukar ke Diploma B pada semester kedua. Maka proses pindah kredit pelajar tersebut akan mengambil kira gred kursus dari Diploma A dalam pengiraan PNG dan PNGK pelajar di Diploma B

#### ii. Pindah Kredit Tanpa Gred (turut dipanggil pengecualian kredit):

Pindah kredit secara *vertical* atau *horizontal* bagi pelajar yang telah keluar daripada sistem (pelajar yang telah tamat pengajian) atau telah mencapai tahap kompetensi dalam kursus berkenaan. Kredit kursus yang dipindahkan diambil kira dalam kredit bergraduasi tetapi gred kursus tidak diambil kira dalam pengiraan PNG dan PNGK pelajar.



Contoh 1:

Pelajar lepasan sijil menyambung pengajian ke peringkat diploma dan membuat pindah kredit bagi kursus-kursus yang bersesuaian. Maka kredit bagi kursus yang pernah diikuti di peringkat sijil akan diambil kira dalam pengiraan kredit bergraduasi pelajar. Namun, gred kursus tidak akan diambil kira dalam pengiraan PNG dan PNGK pelajar.

Contoh 2:

Pelajar yang telah tamat program Diploma A dan kemudian ingin mengikuti program Diploma B. Bagi situasi ini yang mana pelajar telah memiliki kelayakan di peringkat yang sama, maka pindah kredit tidak akan mengambil kira gred kursus dalam pengiraan PNG dan PNGK pelajar di Diploma B.

Contoh 3:

Pindah kredit yang berdasarkan pengalaman melalui APEL *Credit (C)* tidak melibatkan gred. Oleh yang demikian, hanya kredit yang akan diambil kira.

Pindah kredit bagi perkara 2 (i) dan (ii) tetap perlu mematuhi syarat umum pindah kredit iaitu:

- i. Gred lulus – gred minimum iaitu Gred C;
- ii. Nilai kredit – sama dengan nilai kredit kursus bagi program di institusi pengajian tinggi (IPT) penerima;
- iii. Kesetaraan kurikulum kursus – tidak kurang 80%; dan
- iv. Kursus yang boleh dipindahkan kredit hendaklah daripada program yang telah mendapat Akreditasi/Pengiktirafan dari badan yang berautoriti di negara berkenaan.

3. Selain itu, dasar pindah kredit secara *horizontal* yang dinyatakan dalam Perkara 6, Surat Makluman Berkenaan Dasar Jaminan Kualiti Yang Diputuskan Melalui Mesyuarat Kajian Semula Dasar-Dasar Berkaitan Jaminan Kualiti Bil 1/2011 - 3/2011 yang bertarikh 27 Mac 2012 bagi situasi berikut adalah **dimansuhkan**:



**“Pelajar sedang mengikuti suatu program dan dalam masa yang sama mengambil beberapa kursus di PPT yang lain (contoh program mobiliti atau program pertukaran pelajar)**

Pemindahan kredit adalah dibenarkan namun ia tidak boleh melebihi 30% daripada jumlah kredit program pengajian yang sedang diikuti dan ia adalah berdasarkan persetujuan antara kedua-dua PPT.”

Sehubungan itu, pindah kredit bagi situasi ini adalah mengikut dasar **pindah kredit dengan gred** seperti di perkara 2 (i).

4. Manakala **dasar pengecualian kursus** seperti yang dinyatakan dalam perkara 7, Surat Makluman Berkenaan Dasar Jaminan Kualiti Yang Diputuskan Melalui Mesyuarat Kajian Semula Dasar-Dasar Berkaitan Jaminan Kualiti Bil 1/2011 - 3/2011 **dikekalkan dengan beberapa pemansuhan** iaitu ketetapan yang melibatkan mata pelajaran wajib (MPW) seperti berikut:

- i. Pengecualian kursus tidak akan menyebabkan pelajar mendapat kredit bagi kursus yang dikecualikan. **(Kekal)**
- ii. Sekiranya pengecualian kursus itu akan menyebabkan keperluan kredit bergraduat tidak mencukupi, maka pelajar perlu mengambil kursus lain bagi menggantikan kursus tersebut. **(Kekal)**
- iii. Pelajar yang lulus MPW di peringkat sijil tidak boleh mengambil semula kursus tersebut di peringkat diploma. **(Dimansuhkan)**
- iv. Walau bagaimanapun, bagi pelajar yang telah lulus MPW di peringkat sijil/diploma boleh mengambil MPW di peringkat ijazah sarjana muda. **(Dimansuhkan)**
- v. Pelajar antarabangsa dikecualikan daripada mengambil MPW, namun diberi pilihan untuk mengambil MPW sekiranya berminat. **(Dimansuhkan)**

Pemansuhan tersebut adalah kerana MPW telah ditambah baik dengan penawaran mata pelajaran umum (MPU) mulai September 2013 dan pindah kredit MPU hanya dibenarkan secara *horizontal* sahaja.

5. **Dasar ini berkuat kuasa mulai daripada tarikh surat ini** dan hendaklah dibaca bersama dengan Surat Makluman Berkenaan Dasar Jaminan Kualiti Yang Diputuskan Melalui Mesyuarat Kajian Semula Dasar-

Dasar Berkaitan Jaminan Kualiti Bil 1/2011 - 3/2011 yang bertarikh 27 Mac 2012 yang berkaitan dengan pindah kredit.

6. Kerjasama dan perhatian YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Prof./Dr./Tuan/Puan adalah dimohon untuk mengambil perhatian yang sewajarnya berhubung perkara ini.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,



**(DATUK PROF. DR. ASMA BINTI ISMAIL)**

Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi  
Jabatan Pendidikan Tinggi  
Kementerian Pendidikan Tinggi

s. k.

1. Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi (A)  
Jabatan Pendidikan Tinggi  
Kementerian Pendidikan Tinggi



2. Ketua Pegawai Eksekutif  
Agensi Kelayakan Malaysia  
Menara PKNS-PJ  
17, Jalan Yong Shook Lin  
**46050 PETALING JAYA**

3. Ketua Pengarah  
Jabatan Pendidikan Politeknik  
Kementerian Pendidikan Tinggi

**LAMPIRAN 8 : PEKELILING MQA BIL2/2015 – DASAR PINDAH KREDIT DAN  
PENAMBAHBAIKAN DASAR**



Agensi Kelayakan Malaysia  
Malaysian Qualifications Agency

Promoting Seamless Cross Border Education



Our People, Our Community, Our Vision  
Malaysia 2015

**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF**  
(Chief Executive Officer)  
**AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA**  
(Malaysian Qualifications Agency)  
Tingkat 14 B, Menara PKNS-PJ  
No. 17, Jalan Yong Shook Lin  
46050 Petaling Jaya  
**SELANGOR DARUL EHSAN**

Tel: 603-7968 7002  
Faks: 603-7956 9496  
Laman web: www.mqa.gov.my

Ruj. Kami : MQA. 100-1/7/1 ( 10 )  
Tarikh : 23 September 2015

**KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT)**

Tuan/Puan,

**PEKELILING MQA BIL. 2/2015 – DASAR PINDAH KREDIT DAN  
PENAMBAHBAIKAN DASAR PROGRAM PEMINDAHAN IJAZAH (DEGREE  
TRANSFER PROGRAM, DTP)**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Agency*, MQA) telah membuat penambahbaikan Dasar Program Pemindahan Ijazah (*Degree Transfer Program*, DTP). Dasar ini melibatkan pelajar yang mengambil program DTP di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) tempatan sebagai persediaan untuk menyambung pengajian di IPT Amerika Syarikat (US), United Kingdom (UK) dan Australia. Penambahbaikan dasar ini adalah seperti berikut:

- i. **Bagi Pelajar American Degree Transfer Program (ADTP) yang Memilih untuk Menyambung Pengajian ke IPT Tempatan**
  - a. Pelajar perlu tamat program ADTP dan melengkapkan kredit program serta lulus sekurang-kurangnya PNGK 2.0;
  - b. Pelajar boleh dipertimbangkan untuk menyambung pengajian mereka terus ke tahun 3 di IPT tempatan yang menjalankan program kerjasama 4+0 dengan IPT US; dan
  - c. Bagi pelajar yang memilih untuk melanjutkan pengajian di IPT tempatan bagi program yang bukan kerjasama 4+0 dengan IPT US, pelajar boleh dipertimbangkan untuk menyambung pengajian mereka terus ke tahun 2.
- ii. **Bagi Pelajar United Kingdom/Australian Degree Transfer Program (UK/Australia, DTP) yang Memilih untuk Menyambung Pengajian ke IPT Tempatan**
  - a. Pelajar perlu tamat program UK/Australian DTP dan melengkapkan kredit program serta lulus sekurang-kurangnya PNGK 2.0; dan
  - b. Pelajar boleh dipertimbangkan untuk menyambung pengajian mereka terus ke tahun 3 di IPT tempatan.

MQA mengamalkan polisi tidak menerima hadiah



3. Walau bagaimanapun, **para 2 (i) dan (ii) adalah tertakluk kepada dasar umum pindah kredit dan syarat pemastautin (*residential year*)** seperti mana yang ditetapkan di perkara 6 (2) dan 6 (5) dalam Surat Makluman Berkenaan Dasar Jaminan Kualiti yang diputuskan melalui Mesyuarat Kajian Semula Dasar-Dasar Jaminan Kualiti (MKSDJK) Bil 1/2011 - 3/2011 yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) bertarikh 27 Mac 2012.

4. Selaras dengan makluman ini, Surat Makluman Berkenaan Dasar Jaminan Kualiti yang diputuskan melalui MKSDJK Bil 1/2011 - 3/2011 yang dikeluarkan oleh JPT bertarikh 27 Mac 2012 bagi perkara 12 - *American Degree Transfer Program* adalah **terbatal**.

5. Dimaklumkan juga, bagi pelajar Malaysia yang belajar di luar negara dan pelajar asing yang ingin menyambung pengajian di IPT tempatan, **dasar umum pindah kredit dan syarat pemastautin (*residential year*)** seperti mana di para 3 adalah terpakai.


6. Sehubungan itu, bagi para 2 (i), (ii) dan para 5 **permohonan hendaklah dibuat terus kepada IPT tempatan tanpa melalui MQA. Senat IPT berkuasa penuh dan bertanggungjawab untuk memastikan pemetaan kursus (*subject to subject mapping*) dilaksanakan dan dasar umum pindah kredit serta syarat pemastautin (*residential year*) dipatuhi sepenuhnya.** Walau bagaimanapun, bagi program pengajian yang melibatkan Badan Profesional maka ia adalah tertakluk kepada bidang kuasa Badan Profesional yang berkaitan.

7. **Pelaksanaan dan pematuhan dasar ini berkuatkuasa mulai daripada tarikh pekeliling ini.**

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Yang ikhlas,



**(DATU' PROF. DR. RUJHAN BIN MUSTAFA)**  
Ketua Pegawai Eksekutif  
Agensi Kelayakan Malaysia

No. Tel : 03-7968 7044  
No. Faks : 03-7956 9496  
E-mel : [mrujhan@mqa.gov.my](mailto:mrujhan@mqa.gov.my)

## RUJUKAN

- i. Garis Panduan Pindahan Kredit & Pengecualian Kursus Program Pengajian Politeknik Kementerian Pendidikan Malaysia (Pindaan Pertama : 1 Disember 2013)
- ii. Malaysian Qualifications Agency (MQA)
- iii. Kompilasi Dasar Jaminan Kualiti Pendidikan Tinggi (2009-2017) Edisi Kedua
- iv. *Engineering Technology Accreditation Council (ETAC), Board of Engineers Malaysia (BEM)*
- v. *Technology And Technical Accreditation Council (TTAC), Malaysia Board of Technologists (MBOT)*



## **JAWATANKUASA PEMBANGUNAN DAN PENERBITAN**

### **PENAUNG**

Ts. Dr. Mohamad Naim bin Yaakub

### **PENASIHAT**

Ts Noor Aidi binti Nadzri

### **PENULIS**

Noraina binti Abdul Rahman

Zuraidah binti Ab Moin

Nurunnajahatun binti Zamzam

Ab Razak bin Ahmat

### **PENYUNTINGAN**

Sarah binti Abd Hamid

Nur Ili Izyani binti Muhamad



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI



ISBN 978-967-2243-77-9



9 789672 224377